



KOLEJ SULTAN ABDUL HAMID,
JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR,
KEDAH DARUL AMAN

**PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH
(PELAJAR LELAKI)**

A. BAJU KEMEJA

1. Baju kemeja putih berlengan pendek dari kain jenis tetron.
2. Hanya satu poket jenis tampal tidak bertutup di sebelah kiri.
3. Saiz baju tidak singkat, tidak terlalu ketat atau terlalu longgar.
4. Semua butang baju hendaklah dibutangkan semasa memakainya.
5. Butang jenis logam tidak dibenarkan.
6. Tanda nama pelajar dijahit di sebelah kiri bahagian atas poket baju (tanda nama dapat ditempah di Koperasi KSAH melalui guru Tingkatan).

B. SELUAR

1. Seluar panjang berwarna hijau kehitaman (dark olive).
2. Lipatan luar di hujung tidak dibenarkan.
3. Ukuran keliling di pergelangan kaki ialah 40cm - 46cm.
4. Hujung kaki seluar menutup buku lali, tetapi tidak mencecah lantai.
5. Poket hadapan tersembunyi di sebelah kiri dan kanan.
6. Poket jenis tampalan tidak dibenarkan.
7. Butang logam tidak dibenarkan.
8. Seluar singkat, labuh, sempit atau berkaki lebar tidak dibenarkan.
9. Sebarang tampalan pada seluar tidak dibenarkan.

C. KASUT

1. Kasut berwarna hitam jenis PVC atau kulit dibenarkan (bertali / tidak bertali)
2. Tanda/Cop, lambang atau berjalur tidak dibenarkan.
3. Kasut jenis but, selipar atau sandal tidak dibenarkan.

D. STOKING

1. Stoking berwarna hitam sepenuhnya.
2. Stoking berjalur tidak dibenarkan.

E. TALI LEHER

Pelajar wajib memakai tali leher Kolej sepanjang waktu persekolahan.

F. LENCANA

Pelajar wajib memakai lencana Kolej sepanjang waktu persekolahan.

G. TALI PINGGANG

Pelajar wajib memakai tali pinggang berlogo Kolej sepanjang waktu persekolahan.

H. PAKAIAN PENDIDIKAN JASMANI/SUKAN/KOKURIKULUM

1. Seluar panjang (track bottom) Kolej berwarna hitam.
2. Baju T-shirt Kokurikulum / T-shirt Pendidikan Jasmani Kolej berlengan pendek.
3. Kasut sukan berwarna gelap

I. PAKAIAN PADA HARI KOKURIKULUM

Pelajar diwajibkan memakai pakaian seragam unit beruniform yang lengkap atau uniform yang dibenarkan sahaja mengikut Badan Beruniform yang dianggotai pelajar..

J. PAKAIAN SEMASA AKTIVITI LAIN (KELAS TAMBAHAN/ BIMBINGAN/KURSUS)

Pakaian seragam sekolah atau pakaian kokurikulum lengkap (tertakluk kepada arahan semasa).